

13/10/1997

Usah bimbang hadapi perubahan

Sut

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad buat kesekian kalinya mengajak masyarakat dan rakyat Malaysia berubah. Jika sebelum ini ucapannya menyentuh bidang politik, ekonomi dan budaya, tetapi kelmarin ketika melancarkan Kempen Kesedaran Mengenai IT di Auditorium Besar Angkasapuri, Kuala Lumpur sekali lagi beliau mengajak dan menggesa rakyat berubah, khususnya dalam teknologi maklumat.

"Demi masa depan, kita tidak boleh menjadi pemerhati terhadap revolusi maklumat ini, Kita perlu menyertainya malah menerajuinya. Kerajaan mewujudkan Agenda Informasi Maklumat Kebangsaan (Nita) bagi menyediakan rangka kerja negara untuk bertindak terhadap IT dan revolusi maklumat.

'Maklumat adalah kuasa' demikian kata sarjana ilmu komunikasi sejak lama dulu. Boleh dikatakan tidak ada yang menolak hujah itu kerana maklumat itu adalah ilmu. Orang yang tidak berilmu tidak mempunyai kebolehan dan orang yang tidak berkebolehan tidak mempunyai kuasa.

Fyodor Mikhail Dostoyevsky, seorang novelis Russia dalam Crime and Punishment (Balasan Dosa) menyatakan: "Sesungguhnya segala sesuatu terletak di tangan manusia itu sendiri dan jika dia membiarkan segala peluang dan kesempatan yang ada itu terlepas daripada tangannya, itu adalah kerana sifatnya yang pengecut. Itulah hakikatnya."

Tetapi untuk berubah, dalam apa bidang kehidupan bukan satu perkara yang mudah. Malah sewaktu kita mencapai kemerdekaan pada 1957 lalu, ada orang yang lebih senang dan selesa duduk di bawah penjajah Inggeris.

Kelambatan pencapaian kemajuan dalam kehidupan antara sebab manusia tidak sanggup berubah. Pada suatu ketika dulu, tidak ramai orang yang mahu menghantar anaknya ke sekolah. Kesedaran secara bersungguh-sungguh menghantar anak bagi memperoleh pendidikan yang baik bagi rakyat Malaysia hanya baru muncul selepas merdeka.

Sewaktu ramai orang lain membuat wang melalui pasaran saham, masih ramai orang Melayu yang tidak mengetahui bagaimana perniagaan dalam pasaran saham. Pasaran saham hanya baru dimasuki oleh orang Melayu sekitar lima enam tahun terakhir ini. Sebelumnya tidak ramai yang mengetahuinya.

Begitu juga kesedaran untuk memasuki sektor swasta atau membuka perniagaan dan bekerja sendiri hanya memuncak beberapa tahun kebelakangan ini saja. Sebelumnya banyak orang berfikir cara paling baik dan mudah memperoleh rezeki ialah bekerja dengan kerajaan.

Begitulah sukarnya manusia untuk berubah. Apabila timbul gesaan untuk mengubah budaya politik Umno, supaya parti itu menjadi sebuah parti kukuh dan kuat, tidak diselaputi pelbagai virus yang melemahkannya seperti politik wang dan sebagainya, kesedaran itu lambat menerima tindakan malahan memakan masa yang lama untuk menimbulkan kesedaran betapa bahayanya politik wang.

Dostoyevsky dalam novel yang sama menyatakan: "Namun aku masih kurang pasti tentang apakah yang paling ditakuti manusia. Aku berasa yang paling ditakuti manusia adalah untuk mengambil langkah baru atau untuk mengucapkan perkataan yang baru."

Raskolnikov watak utama novel itu hanya asyik merancang melakukan sesuatu yang berkali-kali diputuskannya, tetapi tetap tidak melakukannya dalam masa sepatutnya. Begitu juga Mermeladov, salah seorang watak dalam novel yang sama hanya mampu bersyarah di kedai arak tempat setiap malam ia mabuk tanpa melakukan sesuatu tindakan terhadap keputusannya, walaupun beberapa malam dia terpaksa tidur di atas jerami kering. Tidak mandi dan

tidak menukar pakaiannya yang compang-camping. Rumah tangganya hancur-luluh.

Dinsman seorang penyair Malaysia dalam sebuah puisinya pernah menulis mengenai keraguan manusia untuk berubah yang antara lain bermaksud keputusan yang dibuat waktu pagi dibatalkan pada waktu petang, sehingga oleh kerana terlalu kerap membuat keputusan yang tidak dilaksanakan maka keputusan itu seolah-olah menjadi satu permainan yang mengasyikkan.

Gesaan Perdana Menteri ditujukan juga kepada pembangkang supaya menjayakan IT, seruan itu adalah sesuatu yang amat wajar. Perubahan segera tidak mungkin berlaku jika segelintir manusia yang mengerti mengenainya. Dan jika perubahan menyeluruh tidak berlaku, kita bimbang kejayaan yang sepatutnya kita terima secara cemerlang tidak mungkin wujud.

Kegagalan kita dalam hal ini memetik kata-kata Dostoyevsky, 'adalah kerana ketidakanggapan untuk berubah'. Kita hanya mampu bercakap dan bersyarah tetapi tidak berani dan tidak mampu bertindak. Hanya dengan kejayaan kita dalam IT barulah kita dapat membentuk sebuah masyarakat madani, dalam acuan Malaysia, masyarakat yang matang, liberal, demokratik, toleran, prihatin dan adil kedudukan ekonomi, kaya dengan sejarah, tradisi, budaya, satu masyarakat yang menguasai ilmu dan mempunyai sistem nilai tersendiri.

(END)